




LKIM

CARA MEMOHON LESEN UNTUK URUSNIAGA IKAN LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

1. Layari laman sesawang <https://mylesen.lkim.gov.my>
2. Klik pada butang **Daftar**.
3. Borang pendaftaran seperti **Rajah 1** di bawah akan dipaparkan.

Daftar ID Pelesen

Masukkan No Kad Pengenalan tanpa (-).

I'm not a robot  reCAPTCHA
Privacy - Terms


Rajah 1: Borang Pendaftaran


4. Pastikan semua maklumat diisi dengan betul. Pastikan No. Kad Pengenalan diisi **TANPA** tanda (-).
5. Kemudian klik pada butang **Daftar**.
6. Email pengesahan akan dihantar kepada email yang didaftarkan. Sila klik pada link tersebut untuk aktifkan pendaftaran.
7. Selepas itu, skrin akan memaparkan seperti **Rajah 2** dibawah menunjukkan pendaftaran anda telah berjaya.



Rajah 2: Paparan pendaftaran yang telah berjaya

8. Klik pada butang **Log Masuk** untuk ke halaman log masuk.
9. Skrin log masuk seperti **Rajah 3** di bawah akan dipaparkan.




LKIM Bahasa: [English](#)

No Kad Pengenalan / No Passport

Masuk Kata Nama

Kata Laluan

Masuk Kata Laluan

Log Masuk

[Lupa ID/Katalaluan](#)
[Daftar](#)
[Laman Utama](#)

Rajah 3: Skrin Log masuk

10. Masukkan nombor IC atau nombor passport dan kata laluan seperti yang didaftarkan dan klik butang **Log Masuk**.
11. Selepas berjaya log masuk klik pada menu **Permohonan** dan seterusnya klik pada menu **Borang Permohonan** di halaman utama sistem.
12. Skrin halaman utama MyLesen seperti **Rajah 4** di bawah akan dipaparkan.



The screenshot shows the main page of the MyLesen system. On the left is a dark sidebar menu with the following items: MENU, Permohonan (selected), Borang Permohonan, Senarai Permohonan (e), Rayuan Permohonan, Lesen Kebenaran Sementara >, Pembaharuan >, Pindaan >, Aduan, and Iklan >. The main content area has a top navigation bar with tabs: Maklumat Pelesen (selected), Maklumat Lesen, Maklumat Syarikat, Maklumat Kemudahan, and Pejabat LKIM Untuk Diproses. Below the tabs is a blue link for 'Pengkakuan Bersumpah'. The main heading is 'Maklumat Pelesen'. Underneath, there is a 'Kriteria Gambar Pemohon' section with a silhouette icon and a list of requirements: Berukuran Passport and Latar belakang biru. To the right of this is a 'Gambar Pemohon' field with a 'Choose File' button and the text 'No file chosen'. Below this are four input fields: 'Nama Pelesen' (filled with 'ALI BIN BABA'), 'Nama Syarikat', 'No. Kad Pengenalan' (filled with '112233446789'), and 'Negeri' (a dropdown menu showing '-- Sila Pilih --').

Rajah 4: Halaman utama sistem MyLesen

13. Pastikan anda mengisi semua maklumat yang diperlukan.
14. Ruangan bertanda (*) adalah **WAJIB** diisi.
15. Pastikan anda klik pada **Saya Bersetuju** di bahagian **Pengkakuan Bersumpah** seperti di **Rajah 5** sebelum klik butang **Hantar** untuk menghantar permohonan.

Pengakuan Bersumpah

1. Anda dinasihatkan untuk memeriksa semula setiap maklumat di dalam borang permohonan sebelum permohonan anda diproses.
2. Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di dalam permohonan ini beserta dokumen bukti adalah benar. Saya memahami sekiranya ada di antara maklumat ini didapati palsu, permohonan saya boleh ditolak dan sekiranya lesen telah diberikan kepada saya, lesen tersebut boleh dibatalkan.
3. Merujuk kepada Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan Seksyen 22 Mana-mana orang yang membuat atau mengemukakan apa-apa maklumat palsu atau mengelirukan, secara lisan atau bertulis bagi apa-apa tujuan di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.
4. Saya juga berjanji bahawa tidak akan menawarkan rasuah kepada mana-mana pegawai atau penjawat Lembaga yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengurusan permohonan lesen ini; dan
5. Saya akan melaporkan kepada pihak berkuasa jika sekiranya saya diminta untuk melakukan rasuah atau suapan oleh mana-mana pegawai atau penjawat Lembaga yang menguruskan pengeluaran lesen ini.
- 6. Anda diwajibkan untuk memuat turun aplikasi MyLesen melalui playstore atau Appstore di telefon pintar anda. Anda juga dinasihatkan sentiasa mengemaskini akaun email anda kerana sebarang maklum balas dan maklumat akan dimaklumkan melalui email dan aplikasi Mylesen di telefon pintar.**

Saya Setuju
 Saya Tidak Setuju

Rajah 5: Halaman Pengakuan Bersumpah.

16. Status permohonan akan di hantar melalui email yang didaftar.